

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30 APRIL 2017

# Najib harap kerangka CoC siap hujung tahun

um-30/4/2017


**MANILA 29 April** - Datuk Seri Najib Tun Razak berharap kerangka bagi Kod Tatalaku (CoC) mengenai Laut China Selatan yang kini berada di peringkat pegawai kanan ASEAN akan dimuktamadkan dan diterima pakai menjelang akhir tahun ini.

“CoC ini mengikat dari segi perundangan bagi semua pihak dalam memastikan keamanan dan kestabilan yang berterusan di Laut China Selatan,” kata Perdana Menteri selepas mesyuarat dua hala bersama Perdana Menteri Vietnam, Nyugen Xuan Phuc di sini semalam.

Beliau berkata, Vietnam juga mempunyai pendirian yang sama bahawa kawasan Laut China Selatan perlu terus menjadi kawasan yang aman dan stabil.

“Soal pelayaran dengan aman dan juga kebebasan pelayaran serta penerbangan di atas Laut China Selatan dan keselamatan maritim hendaklah terus diberi jaminan supaya tidak berlaku apa yang boleh menjejaskan perkara-perkara tersebut,” katanya.

Najib berkata, Malaysia dan Vietnam mempunyai pendirian sama bahawa kawasan itu tidak sepatutnya ada aktiviti ketenteraan dan kedua-dua negara tidak mahu ketegangan di kawasan Laut China Selatan berada di tahap lebih tinggi lagi daripada apa yang dilihat pada masa ini.



**NAJIB TUN RAZAK** ketika menghadiri sesi pleno Sidang Kemucak ASEAN Ke-30 di Manila, Filipina, semalam. Turut kelihatan, Menteri Luar, **Datuk Seri Anifah Aman (kiri)**. - BERNAMA

“Jadi, kita berharap semua pihak tidak melakukan apa-apa yang boleh meningkatkan ketegangan di Laut China Selatan dan pada masa yang sama, kaedah penyelesaian melalui rundingan secara aman menjadi pilihan negara-negara ASEAN dalam isu Laut China Selatan,” katanya.

Idea mengenai CoC teretus

berikutan pertindihan tuntutan ke atas kawasan tertentu di Laut China Selatan.

Kedua-dua pemimpin itu berada di Manila untuk menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-30.

Selain isu Laut China Selatan, Perdana Menteri berkata, beliau dan Xuan Phuc juga berbincang soal pertahanan dan kegiatan la-

nun di kawasan Laut China Selatan yang memerlukan kerjasama lebih erat antara Vietnam dan Malaysia.

“Vietnam juga telah melahirkan hasrat untuk menghantar lebih ramai pekerja ke Malaysia dan meminta kuota pengambilan tenaga kerja dari negara itu dikaji semula dan ditambah,” kata Najib. - BERNAMA